

**1.1 Juta Kaum Cina Belum Daftar Sebagai Pemilih - MCA
Bernama
7 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- MCA menggesa rakyat Malaysia berketurunan Cina yang layak mengundi agar segera mendaftar sebagai pemilih, memandangkan terdapat kira-kira 1.1 juta daripada mereka yang belum berbuat demikian.

Setiausaha Agung parti Datuk Seri Kong Cho Ha berkata berdasarkan statistik Suruhanjaya Pilihan Raya, sehingga September lepas sejumlah 4.89 juta dari kaum Cina layak mengundi, namun 1.1 juta daripadanya belum mendaftar.

Ini bermakna satu daripada empat orang belum mendaftar sebagai pengundi, katanya dalam kenyataan, di sini Rabu.

Menyifatkan fenomena itu sebagai serius, Kong berkata dengan mengambil kira situasi politik semasa yang mencabar pada pilihan raya umum akan datang, setiap keturunan Cina yang layak mesti mendaftar untuk membolehkan mereka menunaikan tanggungjawab tersebut.

"Jika pemilih berketurunan Cina yang layak tidak mendaftar sebagai pengundi, mereka memberi tanggapan bahawa komuniti Cina tidak ambil peduli pasal politik, yang mana ini tidak benar," katanya. -- BERNAMA

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650456>